

UNTUNG SEBELUM CUKAI MSM B9 2018 MELONJAK KEPADA RM 60.22 JUTA

KUALA LUMPUR, NOVEMBER 21, 2018 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara dan juga anak syarikat FGV Holdings Berhad (dahulu dikenali sebagai Felda Global Ventures Holdings Berhad), sekali lagi mencatatkan prestasi pemulihan cemerlang yang berterusan dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM60.22 juta bagi sembilan bulan berakhir 30 September 2018 berbanding kerugian RM43.0 juta pada tempoh yang sama tahun 2017.

Keuntungan bersih sebanyak RM 15.88 juta telah dicatatkan pada S3 2018 berbanding RM10.42 juta pada tempoh yang sama tahun 2017. Prestasi positif ini didorong oleh penurunan kos gula mentah sebanyak 22.5 % berbanding S3 2017 dan juga pemulihan nilai Ringgit sebanyak 8.0 % (9M 2018: RM3.99 \ 9M 2017: RM4.35) di samping pengurusan kos secara berhemah, penelitian bahan guna habis secara berterusan serta menilai semula kontrak pengambilan sumber dari luar yang dijalankan oleh Kumpulan.

Pada S3 2018, MSM mencatatkan hasil berjumlah RM562.05 juta, penurunan sebanyak 16.0 % berbanding pencapaian RM 667.11 juta pada suku yang sama tahun lepas. Ini disebabkan oleh pengurangan 4.0 % dalam jualan pengeluaran keseluruhan serta pengurangan 16.0 % dalam harga jualan purata. Selanjutnya, peningkatan hasil kian mencabar berikutan penurunan harga siling sebanyak RM0.10 sen setiap kg bagi gula pasir kasar dan gula pasir halus bermula 1 September 2018.

Pendapatan sesaham bagi suku tahunan yang ditinjau kekal kukuh sebanyak 2.26 sen berbanding 1.48 sen sesaham pada S3 2017. Aliran kewangan yang positif ini menggalakkan MSM untuk terus memperkukuhkan strategi pertumbuhan di dorong iltizam untuk mencapai sasaran keuntungan dan perniagaan mampan di masa hadapan.

Walaupun keadaan Ringgit lemah pada suku ini, berdasarkan nilai pasaran purata, matawang tempatan mengukuh sebanyak 4.2 % berbanding S3 2017. Bergerak seiring, purata harga belian USD untuk MSM pada S3 2018 adalah lebih rendah pada 4.0738 berbanding 4.2783 pada S3 2017.

“Kami berdisiplin dalam setiap pergerakan operasi serta mengekalkan komitmen dan tumpuan dalam pelaksanaan kerja. Berdasarkan momentum pemulihan semenjak S1, S2 hingga suku terkini, secara berterusan kami telah menguruskan gula mentah dan kos forex dengan berkesan di samping memberikan tumpuan kepada daya usaha dan prestasi semasa yang secara langsung menyumbang kepada pencapaian kukuh setakat ini. Kami kekal yakin dengan kebolehpayaan untuk mencapai sasaran penuh pada tahun ini berdasarkan kepercayaan serta sokongan penuh yang diberikan oleh ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan juga para petugas,” kata Pengarah Eksekutif MSM Dato’ Khairil Anuar Aziz.

Sorotan segmen operasi menunjukkan pengeluaran gula bertapis meningkat sebanyak 0.8 % berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu 257,788 tan didorong oleh pelbagai inisiatif yang meningkatkan produktiviti serta penambahbaikan dalam kecekapan operasi. Keuntungan suku terkini dalam operasi meningkat sebanyak 347.8 % berbanding B9 2017 menunjukkan tanda jelas pemulihan yang mantap di mana MSM kekal kukuh di atas landasan untuk mencapai sasaran pada baki tahun ini.

Beliau menambah, “Kami berterima kasih pada pihak kerajaan kerana telah memansuhkan lesen permit import (AP) gula. Walaubagaimanapun, impak keseluruhan hanya boleh diambil kira pada TK 2019 memandangkan pemegang-pemegang AP masih menyimpan stok gula yang diimport pada pertengahan pertama 2018. Lantaran itu, hasil keuntungan pada tahun hadapan kian mencabar berikutan penurunan harga jualan runcit gula bertapis dan juga pelaksanaan duti eksais (cukai soda) bagi minuman bergula sebanyak RM0.40 sen seliter bermula 1 April 2019.”

Walaupun masih terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan, impak ini akan memberi kesan kepada pencapaian MSM. Walau bagaimanapun, MSM kekal optimis dengan pencapaiannya dalam perniagaan gula untuk meningkatkan nilai para pemegang saham dan menyediakan aliran keuntungan yang stabil dan menjamin pulangan yang baik.

Prospek MSM Johor boleh dinilai berdasarkan beberapa pencapaian setakat ini. Kilang penapisan gula tersebut telah memulakan pengeluaran gula bertapis ICUMSA 45 (kualiti gula paling tertinggi dalam pasaran) dan bagi tempoh permulaan, gula tersebut turut dibekalkan kepada industri dan pemborong dalam kuantiti yang kecil. Selain itu, kilang penapisan gula MSM Johor telah berjaya mendapatkan pensijilan piawaian bagi menjamin kualiti dan keselamatan produk gula. Ini termasuk HALAL, MS (Malaysian Standard), QMS ISO 9001:2015 dan juga KOSHER.



Sejak mencecah paras rendah USD0.10/pound pada penghujung September, harga gula mentah telah meningkat sebanyak 19.0 % kepada USD0.13/pound. Peningkatan harga gula mentah adalah berikutan kekurangan pengeluaran gula di Brazil bagi musim tanaman 2018/19 yang akan datang – yang disasarkan pada 26.0 juta tan berbanding 36.0 juta tan pada 2017/18. Di samping itu, India akan menjangkakan lebih pengeluaran pada tahun yang sama sebanyak 2.0 juta tan. Walaubagaimanapun, angka tersebut masih belum dapat dipastikan berikutan faktor cuaca semasa.

Bagi baki tahun 2018, ramalan pasaran USD/MYR akan ditutup pada RM4.16 bagi S4 2018 dengan anggaran harga gula mentah untuk dagangan terletak pada USD0.13 – USD0.14/pound – kecuali ada perubahan asas atau makro yang signifikan, pasaran akan kekal sediakala.

Perbandingan tahun ke tahun, MSM akan terus mengambil peluang ke atas kos purata yang lebih rendah bagi setiap tan berikutan nilai matawang dan pasaran yang menggalakkan telah menyumbang kepada penurunan kos MYR bagi setiap tan sebanyak 31.2 % berbanding peningkatan sebanyak 18.65 % pada tahun 2017.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 1.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2017, MSM mengeluarkan sebanyak 1,024,931 tan gula bertapis, di mana 139,540 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 58% majoriti syer pasaran domestik.

Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM2.88 bilion (setakat Disember 2017).

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pagedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi
+603 2181 5018 ext. 211
+6012 289 3294
aniz.ma@msmsugar.com